

UMS lancar stesen radio KKfm

Muzik

Stephanie Lee

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Khamis melancarkan stesen radionya sendiri, KKfm di 91.1mhz, seterusnya meraih pengiktirafan sebagai institusi pengajian tinggi yang pertama di negeri ini berbuat demikian di kampusnya sendiri.

Naib Canselor Datuk Kamaruzaman Ampon berkata, pelancaran stesen radio baharu itu yang turut boleh didengar oleh penduduk di sekitar kawasan berkenaan akan digunakan sebagai media utama untuk orang ramai berinteraksi dengan universiti itu.

"Kita tahu radio adalah alat komunikasi yang amat berguna, dan untuk pemancaran maklumat, ia juga amat berkesan.

"Kita juga mahu menggunakan perantara ini untuk menjawab soalan dan ketidakpastian orang ramai mengenai UMS dengan cara yang lebih telus, dengan itu saya harap pelancaran stesen radio yang baharu di situ akan menandakan era baharu dalam universiti ini," katanya.

Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangan antara UMS dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini untuk membantu merealisasikan objektif universiti itu untuk menyebarkan maklumat informatif

kampus dan pembelajaran kepada orang ramai serta dalam menjadikan stesen radio itu satu realiti.

Kamaruzaman berkata, penubuhan KKfm juga memudahkan pelajar mengambil kursus komunikasi atau apa-apa yang berkaitan dengannya untuk menjalankan praktikal mereka di situ.

"Kita akan mempunyai pelajar kita sendiri mengendalikan KKfm selain daripada DJ sedia ada, antara mereka naib juara rancangan realiti Akademi Fantasia 3, Felix Agus," katanya, sambil menambah, DJ-DJ itu akan ke udara dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Beliau menjelaskan, stesen radio itu akan memberi fokus yang lebih kepada penyebaran pengetahuan dan bukannya bersaing dengan stesen-stesen radio lain yang berdasarkan hiburan dan muzik.

Beliau juga berkata, mereka akan memperluaskan liputan ke tempat-tempat seperti Keningau apabila tiba masanya dan apabila stesen itu sudah boleh 'berdiri di atas kakinya sendiri'.

Sementara itu, Kamaruzaman berkata, pendaftaran dan pengambilan pelajar baharu untuk universiti itu akan diadakan pada 2 hingga 4 Julai.